

FSB GLOBAL OUTREACH: INTERNATIONAL MOBILITY FOR DISCOVERING, NETWORKING AND LINKAGES

Mohd Sukhairi Mat Rasat & Mohd Syakir Sulaiman



Pada 15 hingga 19 Mei 2023 telah diadakan satu program mobiliti antarabangsa (tidak berkredit) ke Bandung, Indonesia iaitu bahagian barat kepulauan Jawa. Program ini telah disertai oleh seramai 30 pelajar Fakulti Sains Bumi (FSB) daripada program Geosains, Sains Kelestarian serta Sains Sumber Asli dan diiringi oleh 9 pensyarah pengiring diketuai oleh YBhg. Dekan FSB.



Dalam melahirkan graduan yang holistik, bersifat global serta berfikiran terbuka, program mobiliti pelajar ke luar negara adalah suatu kaedah bagi mencapai matlamat tersebut dan ia seiring dengan saranan United Nations: Sustainable Development Goals (SDG) iaitu SDG4: Quality Education dan SDG17: Partnership for the Goals.

Ia juga sejajar dengan slogan Discover FSB yang telah dilancarkan oleh YBhg. Dato Naib Canselor pada 31 Januari 2023 yang lalu dimana program mobiliti pelajar ke luar negara ini adalah bertepatan dengan dua (2) daripada tujuh (7) tema Discover FSB iaitu Discover FSB 4: FSB Xplore (untuk memupuk semangat dan kemahiran tanpa batas dalam menghayati keindahan bumi) dan Discover FSB 7: Global Outreach (untuk mengembangkan pengaruh global FSB dalam usaha kelestarian bumi diperingkat antarabangsa).

Antara tempat yang telah dilawati oleh delegasi FSB dalam program tersebut adalah Gunung Tangkuban Parahu, Orchid Forest Cikole dan Farm House Lembang. Ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar bagaimana kawasan yang berasaskan sumber asli, alam sekitar serta bentuk muka bumi secara geologinya boleh diusahakan ke arah penjanaaan pendapatan kepada penduduk setempat khususnya, dan kepada Indonesia amnya. Ia adalah untuk menerapkan pelajar dengan ciri-ciri keusahawanan sekaligus menepati visi UMK dalam menghasilkan pelajar yang holistik berkeusahawanan.

Manakala, terdapat dua (2) buah institusi pengajian tinggi tersohor di Bandung yang telah dilawati iaitu Institut Teknologi Bandung (ITB) dan Universitas Padjadjaran (UNPAD) dimana terdapat beberapa program akademik di kedua-dua institut pengajian tinggi tersebut yang mempunyai persamaan dengan program akademik di FSB, UMK. Tambahan pula UMK mempunyai memorandum persefahaman (MoU) bersama UNPAD dan program mobiliti ini adalah antara aktiviti yang boleh merencanakan memorandum tersebut, disamping mengintai peluang untuk mengadakan kerjasama bersama ITB bagi pembangunan pelajar.

Pendedahan yang akan diperoleh oleh bakal graduan melalui program mobiliti pelajar ke luar negara ini bukan hanya akan memberikan nilai tambah kepada mereka bagi memperlengkapkan diri sebagai seorang graduan, bahkan untuk bersaing di alam pekerjaan kelak kerana program ini dilihat mampu meningkatkan keyakinan serta daya saing bakal graduan.





HUBUNGI KAMI

FAKULTI SAINS BUMI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
17600 JELI
KELANTAN

<https://fsb.umk.edu.my>

fsb@umk.edu.my

+609-9477341